

**KAJIAN RANCANGAN PENEMPATAN SEMULA
SETINGGAN DI TAMAN PETALING UTAMA,
PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN**

Oleh

NORISAH MAN

**Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah
Fakulti Senibina, Perancangan Dan Ukur
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam**

Mac 2002

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T

Bersyukur ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya, saya dapat menyiapkan "Laporan Kajian Akhir: Kajian Rancangan Penempatan Semula Setingan Di Taman Petaling Utama, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan" walaupun pelbagai rintangan dan dugaan terpaksa ditempuhi dan dijalani. Dengan berkatNya laporan ini dapat disiapkan dalam masa yang telah ditetapkan dengan kerjasama beberapa pihak yang terlibat dalam memberi dorongan dan galakan dari segi akademik dan juga moral.

Kerjasama daripada orang perseorangan dan pihak-pihak tertentu adalah sangat penting dalam menyiapkan laporan ini. Dengan kerjasama dan dorongan yang diberikan oleh mereka telah memberi semangat untuk saya menyiapkan kajian ini.

Pertama sekali ribuan terima kasih saya ucapkan kepada orang yang paling bertanggungjawab membantu dari segi akademik dan yang banyak memberi tunjuk ajar dan semangat kepada saya iaitu Cik Muna binti Sarimin. Perhatian, panduan dan tunjuk ajar beliau amat penting dalam menyediakan laporan ini. Selain itu, kedua ibubapa saya dan yang tersayang juga banyak memberi dorongan dan membantu dalam pelbagai aspek, Jasamu Di Kenang.

Ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada pihak-pihak yang terlibat seperti Jabatan Perancangan Bandar Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) serta perpustakaan-perpustakaan seperti di Komplek Tahir Majid dan juga Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR 1).

ABSTRAK

Rancangan penempatan semula setinggan merupakan sebuah rancangan perumahan yang menempatkan semula penduduk setinggan. Justeru itu, sudah pastinya terdapat kekurangan dan juga kelebihan rancangan penempatan tersebut dari pelbagai sudut samada sosio-ekonomi, sosial mahupun kemudahan yang disediakan. Kajian akhir ini adalah berkaitan dengan keberkesanan dan kejayaan rancangan penempatan semula setinggan di Taman Petaling Utama, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Bagi memahami permasalahan dan isu yang timbul, beberapa perkara perlu dikenalpasti terlebih dahulu seperti tahap sosio-ekonomi penghuni kawasan tersebut, aliran perubahan kehidupan penghuni dari kawasan setinggan ke penempatan semula dari segi keselesaan perumahan, kemudahan yang disediakan dan juga keselesaan mereka, pemakaian dasar dan piawaian perancangan disertakan dengan mengkaji beberapa ciri seperti aspek kemudahsampaian dan jarak kemudahan yang disediakan. Kajian ini dijalankan dengan merujuk kepada sumber-sumber primer dan sekunder. Soal selidik dan juga pengamatan turut dijalankan ke atas sampel penduduk di kawasan kajian. Daripada kajian yang dijalankan, didapati kebanyakan masalah berpunca daripada faktor kemudahsampaian dan juga penyediaan kemudahan dan juga corak pergaulan sosial yang terdapat di kawasan kajian. Babarapa cadangan telah dicadangkan bagi menyelesaikan dan juga meringankan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Penghargaan	
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	ix
Senarai Gambar Foto	xi
Senarai Lampiran	xii
Senarai Singkat Kata	xiii

KANDUNGAN

BAB 1	Pengenalan	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Kawasan Kajian	2
1.2	Kenyataan Masalah	5
1.3	Tujuan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Skop Kajian	7
1.6	Kaedah Kajian	8

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang pesat membangun. Walaubagaimanapun masalah setinggan masih berleluasa khususnya yang terdapat di bandar-bandar besar seperti di sekitar Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan juga Lembah Klang.

Kebanyakan daripada kawasan setinggan ini didiami oleh majoriti kaum-kaum tertentu sahaja di sesebuah kawasan. Misalnya kawasan setinggan yang majoritinya terdiri daripada kaum Melayu adalah seperti di Kampung Keramat, Kampung Pandan dan Bukit Kerinchi. Manakala setinggan-setinggan yang dimonopoli oleh kaum Cina dan India adalah masing-masing seperti di Salak Selatan dan Brickfield. Walaubagaimanapun terdapat juga kawasan setinggan yang didiami oleh ketiga-tiga kaum seperti yang terdapat di Jalan Klang Lama dan sebagainya.

Kawasan setinggan mengalami banyak kekurangan dan kelemahan dari segi kemudahan, infrastruktur dan juga kemudahan awam ini termasuklah kekurangan dari segi kemudahan bekalan air, elektrik, sistem pembetungan najis dan juga sistem jalanraya. Oleh itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah mengadakan projek-projek rumah murah di mana tumpuan diberikan kepada penghuni-penghuni penempatan setinggan. Projek-projek perumahan murah telahpun dijalankan seperti yang kini terdapat di Taman Petaling Utama Datuk Keramat, Jalan Pekeliling, Taman Datuk Harun dan Sungai Way.